

BULETIN

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN
EDISI 10 2025

F
P
N
S
3



fpnuitmn9s3



<https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3>

Kembara ke Syurga Dunia: Kutipan Pengajaran dan Pengalaman

Ja'izah Abdul Jabar

Sering dianalogikan sebagai syurga dunia, keindahan Switzerland pastinya memukau setiap mata yang melihat dan memberi rasa seakan berada di dalam sebuah kanvas lukisan. Berdiri megah dikelilingi putuhnya Banjaran Alps, hijaunya bukit bukau dan birunya tasik cukup mengujakan si kembara yang singgah mengutip pengalaman kehidupan. Keluasan yang hanya mencecah sekitar 41,000 km² dengan populasi kurang 8 juta penduduk tidak menjadikan Switzerland sebuah “*underrated country*”. Bahkan, negara yang mendapat jolokan Negeri Coklat ini diiktiraf sebagai pemilik mata wang kertas paling berharga dunia, selain sistem kawalan pengangkutan dan keselamatan yang sangat efisien terutamanya melibatkan kawasan pergunungan. Kembara selama lapan hari ke bumi penciptaan jam tangan berjenama Rolex, Omega dan Swatch ini telah membuka mata penulis akan nilai kehidupan yang boleh dijadikan bekalan mengemudi langkah masa depan.




Antara perkara yang masih kekal dalam minda penulis tentunya kekaguman melihat banjaran Alps berdiri teguh seolah-olah menjadi lambang kekuatan dan ketabahan. Megahnya gunung Matterhorn, Titlis, Stoos dan Pilatus berdiri meski diselimuti salji tebal dan kadangkala dibadai angin kencang memberi satu inspirasi kepada penulis akan perlunya memiliki hati dan semangat juang yang teguh untuk mendepani ujian dan cabaran kehidupan. Hati perlu dilatih untuk tidak mudah mengalah dan berputus asa, sambil meyakini bahawa cabaran pasti berakhir seperti tamatnya musim dingin dan berlalunya tiupan badai.



Ketenangan yang dihidangkan oleh birunya Tasik Brienze di perkampungan Iseltwald dan keindahan luar biasa di Tasik Biru (Blausee) seakan berbisik tentang pentingnya menjaga keseimbangan jiwa dalam mengemudi hiruk-pikuk urusan dunia. Ketenangan hati adalah senjata utama dalam mengurus cabaran dan permasalahan agar penyelesaian dapat diterjemahkan melalui tindakan yang tepat serta bersesuaian.

Pengalaman menaiki *cruise* di sekitar Tasik Lucern serta kereta api dari Tasch ke Zermatt sambil dihidangkan pemandangan yang indahnya luar biasa menyedarkan penulis bahawa keindahan alam

semula jadi bukan sekadar untuk dinikmati, tetapi juga untuk direnungi sebagai refleksi dalam menilai sejauh mana berjayanya kita dalam mengurus perjalanan kehidupan. Lebih dari itu, melihat perkampungan yang hijau terbentang di Stans menjentik hati penulis akan hakikat yang lebih besar,



iaitu kita memiliki pencipta dunia untuk mengadu dan memohon kekuatan bilamana dihambat ujian dan cabaran.

Selain pemandangan yang memukau, tahap kebersihan dan penjagaan alam sekitar oleh warga Switzerland adalah pengajaran sangat wajar untuk diteladani. Sikap masyarakat tempatan yang jelas mempunyai rasa tanggungjawab terhadap kebersihan ruang awam dan tidak membuang sampah merata-rata secara tidak langsung mendidik pelancong luar untuk turut menjaga kebersihan kawasan yang dilawat. Sebagai

contoh, Iseltwald, Lauterbrunnen, Grindelwald dan Rhine Falls yang menjadi tumpuan awam kelihatan begitu bersih meskipun ia menerima kunjungan ribuan pelancong saban masa.

Dapat disimpulkan bahawa, praktis penduduk tempatan yang sangat mengutamakan kebersihan menyebabkan pelancong juga tidak tergamak untuk mencemarkan kawasan yang dilawati. Ini kerana, secara sedar ataupun tidak, pelancong mula menghormati amalan mengutamakan kebersihan tersebut. Keadaan tandas yang tidak berbau meskipun lantai agak basah kerana salji ketika di Tasik Biru (Blausee) menunjukkan kualiti penjagaan kebersihan yang sangat rapi. Bahkan, penggunaan bahan-bahan daripada plastik dikawal dengan sangat baik untuk memastikan persekitaran lestari.

Penggunaan kereta api untuk ke Zermatt juga sebenarnya bermotifkan penjagaan alam sekitar, iaitu mengurangkan pencermaraan udara di kawasan tumpuan utama peminat ski itu. Kenderaan berpetrol tidak dibenarkan sama sekali untuk memasuki Zermatt sekaligus mengekalkan kesegaran persekitarannya dan membolehkan keindahan gunung Matterhorn dapat dilihat dengan jelas. Meskipun demikian, keadaan ini tidak menjadi bebanan dan masalah kepada penduduk setempat kerana mereka memiliki kefahaman yang tinggi tentang nilai mengekalkan kesejahteraan ekosistem tanpa berkompromi terhadap pembaziran sumber alam yang ada. Bahkan, kawalan penggunaan petrol ini dapat diatasi sebaiknya dengan kemunculan inovasi kenderaan (tekksi) yang menggunakan sumber elektrik. Ini mengingatkan penulis bahawa kebersihan dan pengekaln keindahan alam sekitar bukan sekadar tanggungjawab peribadi, tetapi sepatutnya menjadi satu budaya dan amanah bersama demi kelangsungan hidup generasi akan datang.





Pengajaran terakhir yang masih berbekas di jiwa penulis adalah berkaitan disiplin masa dan ketelusan dalam memberi perkhidmatan. Salah satu pengalaman yang penulis kagumi ialah ketepatan masa sistem pengangkutan awamnya. Kereta api Switzerland terkenal kerana tiba dan berlepas tepat mengikut jadual. Nilai disiplin ini memberi isyarat bahawa ketelitian dan kesungguhan dalam mengurus masa adalah kunci utama kemajuan. Perkhidmatan yang sangat efisien terutamanya berkaitan keselamatan di kawasan pergunungan memberi gambaran akan ketelusan dalam melaksanakan tanggungjawab yang dipikul. Kesungguhan dalam menyempurnakan sesuatu tugas bukan sahaja menyenangkan pihak

yang dibantu, lebih daripada itu memberi kepuasan kepada pekerja itu sendiri. Ini membuatkan penulis berfikir bahawa disiplin, kejujuran dan keikhlasan dalam memikul tanggungjawab adalah antara kunci utama dalam membuahkan corak hidup yang lebih teratur, seterusnya memaju kemajuan serta kemampuan daya saing kepada organisasi dan diri individu.

Kesimpulannya, kembara ke Switzerland bukan hanya memahat kenangan indah, tetapi juga membawa pulang nilai kehidupan yang sangat berharga sebagai pedoman dan teladan masa depan. Perjalanan ini bukan sekadar menjejakan kaki ke bumi Eropah, bahkan ianya adalah satu perjalanan rohani dan intelektual yang pasti dikenang selagi usia dikandung badan. Sesungguhnya, persinggahan singkat di permata Alps ini membuktikan kemodenan sebenar hanya mampu dicapai melalui kemajuan teknologi yang diseimbangkan dengan kelestarian alam semulajadi. Pengajaran dan pengalaman yang diperolehi sepanjang kembara ini juga menjadi saksi bahawa adunan nilai kebersihan, ketelusan, disiplin menjaga masa dan sumber alam serta ketabahan dan ketenangan adalah elemen penting dalam membina sebuah masyarakat maju yang berjaya. Bahkan, inilah rahsia untuk mencipta lebih banyak syurga dunia.

